

PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMAJUAN PELAJAR

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Pejabat Am

Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar

Tel : +6088 320 000

Samb : 4105/4106/4107/4108

Faks : +6088 320 885

E-mel : pkpp@ums.edu.my

Pengenalan

Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) ditubuhkan pada 1hb. Jun 2002 dengan tujuan untuk melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, membangunkan ketahanan fizikal, mental dan rohani pelajar, menjana pemikiran kreatif, inovatif, produktif dan proaktif serta menanamkan semangat keyakinan dan cekal menghadapi cabaran. Tujahan pengurusan Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar adalah memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kokurikulum yang merupakan kursus teras atau wajib university serta membangunkan daya dan potensi pelajar bagi penguasaan kemahiran insaniah melalui aktiviti pemajuan pelajar.

Kursus kokurikulum yang ditawarkan adalah dalam pelbagai bidang dan relevan terhadap tuntutan masyarakat dan keperluan dalam sektor pekerjaan masakini. Pelajar Universiti Malaysia Sabah diwajibkan lulus kursus kokurikulum sekurang-kurangnya tiga (3) jam kredit sepanjang pengajian untuk memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda. Gred kursus kokurikulum adalah diambilkira dalam pengiraan PNGK pelajar.

Sepanjang pengajian, pelajar akan mengambil kursus kokurikulum bernilai tiga (3) jam kredit untuk satu semester kecuali kursus badan beruniform dan penyelamat iaitu Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) (Tentera Darat, Udara, dan Laut), Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (KOR SUKSIS), Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA) dan UMS Jatidiri (UMS SEJATI) (Bencana Alam, Bomba dan Penyelamat, Paramedik, Kembara dan Brass band) yang dinilai sebanyak satu (1) jam kredit bagi setiap semester dan diambil selama di antara 3 sehingga 6 semester mengikut keperluan setiap badan tersebut. Pelajar yang memasuki dan mendaftar di universiti dengan keputusan PNGK 2.40 dan ke bawah di peringkat Matrikulasi/STPM/Diploma atau kelulusan lain yang setaraf adalah wajib mengambil kursus kokurikulum badan beruniform dan penyelamat. Pelajar yang berjaya menamatkan kesemua kursus PALAPES, KOR-SUKSIS dan SISPA yang diambil sepanjang pengajian akan ditauliahkan mengikut Badan beruniform masing-masing.

Kuliah dan latihan amali kursus kokurikulum akan dijalankan pada setiap hari Sabtu atau Ahad dengan jam kontek sebanyak tiga (3) jam setiap minggu atau mengikut keperluan asas kursus yang didaftarkan. Pecahan pembelajaran kursus ini adalah 30% teori dan 70% latihan amali/persembahan. Pelajar juga diwajibkan mengambil bahagian dalam aktiviti kemahasiswaan yang melibatkan masyarakat umum melalui kursus kokurikulum yang diikuti dan menjayakan Karnival Kokurikulum yang diadakan pada minggu terakhir kuliah setiap semester. Semasa karnival tersebut, pelajar dikehendaki mengadakan aktiviti yang bersesuaian dengan kursus yang diikuti seperti mengadakan persembahan kebudayaan dan kesenian, pameran, pertandingan sukan dan kemahiran, program ketrampilan dan kepimpinan pelajar dan lain-lain.

Visi

PKPP bertekad menjadi sebuah Pusat Pembangunan Modal Insan yang holistic berteraskan pembelajaran Program Kokurikulum.

Misi

Berusaha mencapai kecemerlangan untuk melahirkan pelajar yang berkeupayaan menguasai kepelbagaian ilmu kemahiran teknikal dan professional serta kemahiran insaniah bagi melengkapkan attribut graduan UMS yang holistik dan unggul.

Matlamat

Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar bertekad untuk mencapai matlamatnya seperti berikut:

- Mengaktifkan minat pelajar, membangunkan minda cemerlang, mengasah bakat dan potensi pelajar melalui kegiatan kemahasiswaan yang sihat dan berobjektif khususnya kegiatan kepimpinan, hubungan komuniti, Bakti Siswa dan juga program kemahasiswaan bersifat outreach bagi tujuan membangunkan daya kemahiran insaniah, kepimpinan dan ketrampilan pelajar UMS.
- Melahirkan pemimpin masa depan yang berketrampilan dan berkeyakinan dan mengilap potensi pelajar dalam bidang sukan dan seni melalui kursus kokurikulum yang berkaitan.
- Membentuk dan membangunkan jatidiri pelajar UMS sebagai bangsa Malaysia yang mempunyai nilai patriotism yang unggul, nilai ketahanan diri yang tinggi, berperibadi mulia dan bersahsiah tinggi serta mempunyai kasih sayang sejagat.